

**Zapin: Biografi Ab Razak Bin Rahmat, Yang Dipertua Persatuan
Pegiat Zapin (Pe-ZAPIN) Negeri Johor**

Saiful Farik Mat Yatin
Noriya Suhada Mohd Saidi
Nur Safiqah Daud
Abdul Rahman Ahmad

**Fakulti Pengurusan Maklumat,
UiTM Kampus Puncak Perdana**

Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor

Abstrak

Artikel ini berkisar tentang pengalaman dan perjuangan seorang tokoh tarian zapin iaitu Encik Ab Razak Bin Rahmat yang merupakan Yang Dipertua Persatuan Pegiat Zapin Negeri Johor (Pe-ZAPIN). Data kajian ini diperoleh melalui dokumentasi lisan. Antara perkara yang disentuh di dalam artikel ini melibatkan latar belakang dan pengalaman beliau dalam memperjuangkan irama muzik tradisional zapin, asal usul dan maksud gerakan tarian zapin dan sejarah penubuhan Pe-ZAPIN. Turut dibincangkan adalah cabaran dan halangan yang telah beliau lalui dalam memperjuangkan tarian tradisional ini.

Kata kunci: Biografi, Zapin, Tarian tradisional Melayu, Pe-ZAPIN

Pengenalan

Tokoh yang ditemubual ialah Encik Ab Razak bin Rahmat. Beliau adalah Yang Dipertua Persatuan Pegiat Zapin di Negeri Johor (Pe-ZAPIN). Beliau dilahirkan pada bulan Julai 1961 di Batu Pahat, Johor dalam kalangan keluarga seni. Sejak lahir beliau telah didedahkan dengan kumpulan ghazal kerana ibu bapa beliau merupakan peggiat seni ghazal di Batu Pahat suatu ketika itu. Beliau lebih cenderung menceburkan diri dalam bidang seni tarian zapin tidak sama seperti ibu bapa beliau yang melibatkan diri dengan seni ghazal. Bidang seni yang dipelajarinya masih lagi tergolong dalam golongan seni tarian tradisional dan juga warisan yang harus dikekalkan dan dipertahankan untuk generasi yang akan datang kerana dalam setiap gerak tari tersebut, ianya mempunyai sejarah dan keunikannya yang tersendiri.

Latar Belakang Keluarga Seni

Selain ibu bapa beliau yang terlibat dengan seni, bapa saudara beliau juga merupakan pendorong untuk beliau menubuhkan Pe-ZAPIN. Dua orang bapa saudara beliau adalah Adiguru bagi Zapin Episod Putih dan juga Zapin Padang Sayu di Batu Pahat.

Encik Ab Razak adalah anak yang pertama daripada tujuh orang adik-beradik dan satu-satunya anak yang meminati dan menceburi bidang seni tarian tradisional ini. Adik-beradik beliau yang lain kebanyakannya adalah profesional dalam bidang arkitek, jurutera elektrik dan juga kontraktor pembinaan. Beliau telah mendirikan rumah tangga bersama Puan Dianna selama 26 tahun dan mempunyai tiga orang anak. Anak kedua beliau, Mohd Amirul Arif berumur 21 tahun turut mengikuti jejak langkah beliau dalam menguruskan Pe-ZAPIN. Tertubuhnya Pe-ZAPIN ini disebabkan oleh kesedaran beliau terhadap seni budaya dan warisan Melayu yang patut dipertahankan keasliannya supaya masyarakat luar tidak sewenang-wenangnya mempelajari gerak tari yang salah ataupun mempelajari perkara yang tidak sepatutnya.

Latar Belakang Pendidikan

Encik Ab Razak telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Mampan, Simpang 5, Batu Pahat. Kini sekolah tersebut telah ditukarkan nama kepada Sekolah Kebangsaan Penghulu Salleh. Beliau hanya menamatkan pengajian sehingga tingkatan enam sahaja kerana masalah kewangan. Bapa beliau yang bekerja sebagai buruh binaan serta ibunya yang adalah suri rumah sepenuh masa menyebabkan mereka tidak mampu untuk menampung pengajian beliau ke peringkat yang lebih tinggi.

Persatuan Penggiat Zapin Negeri Johor (Pe-ZAPIN)

Pe-ZAPIN telah ditubuhkan pada bulan Julai 2010 yang beroperasi di 5412B, Jalan Kenari 18, Bandar Putra, 81000 Kulai, Johor. Penubuhan Pe-ZAPIN adalah dengan kebenaran dan saranan daripada kalangan Adiguru untuk menjaga warisan negara supaya tidak ditelan zaman. Adiguru terdiri daripada pengasas, pewaris dan juga penerus sesuatu warisan tersebut dan Adiguru dijadikan tempat rujukan jika berlaku apa-apa masalah seperti perselisihan faham berkaitan gerak tari yang ada dalam tarian zapin.

Seawal penubuhan Pe-ZAPIN, beliau telah memberikan perkhidmatan secara percuma selama tiga bulan di sekolah-sekolah di negeri Johor untuk memperkenalkan dan memberikan pendedahan kepada pelajar-pelajar tentang tarian zapin. Selaku Yang Dipertua Pe-ZAPIN, beliau turut dibantu oleh isteri beliau sendiri iaitu Puan Dianna merangkap Ketua Jurulatih dan juga Setiausaha dalam Pe-ZAPIN. Terdapat tiga orang jurulatih bertauliah yang ditapis oleh Adiguru dimana mereka perlu mempersembahkan tarian zapin di hadapan Adiguru untuk melihat sejauh mana kebolehan mereka dan kesahihan gerak tari yang mereka persembahkan.

Encik Ab Razak menegaskan bahawa beliau tidak menggalakkan artis budaya di bawah naungannya untuk menyertai sebarang pertandingan. Kebiasaannya, artis di bawah Pe-ZAPIN hanya tertumpu kepada persembahan dan tidak akan menyertai sebarang pertandingan ataupun menganjurkan pertandingan. Hal ini kerana amanah yang telah diberikan kepada persatuan ini untuk tidak melaga-lagakan antara satu zapin dengan zapin yang lain dalam pertandingan. Amanah yang disampaikan kepada beliau ini adalah daripada Adiguru demi nama baik mereka sebagai persatuan yang besar dalam membudayakan seni warisan Melayu.

Keaslian Gerak Tari Tarian Zapin

Keaslian gerak tari seperti Gerak Tari Titi Batang, Pergerakan Udang, fakta-fakta penceritaan, sejarah, sosioekonomi dan budaya yang ada dalam setiap gerak tarian zapin perlu dikekalkan. Sebagai contoh, Gerak Tari Titi Batang melambangkan sosioekonomi pesawah. Apabila ke sawah, mereka terpaksa melalui sebatang pokok kelapa yang dijadikan sebagai jambatan untuk menyeberangi sungai, paya dan sebagainya. Ini adalah salah satu gerak tari yang juga mempunyai latarbelakang sosiobudaya dan kaitan sejarah supaya generasi akan datang tahu bagaimana orang terdahulu mencipta setiap gerak tari yang ada sekarang.

Cabaran dan Harapan

Di sebalik setiap kejayaan yang dicapai pastinya ada seribu satu halangan yang telah ditempuhi. Dalam kepesatan dunia teknologi digital, perjuangan mempertahankan seni warisan tanah air menjadi semakin mencabar. Halangan dan cabaran yang mendatang perlulah ditangani bersama demi menjaga nama baik dan warisan bangsa dan budaya Melayu dengan kesepakatan yang tiada tolok bandingnya.

Dalam usaha untuk menyebarkan tarian zapin ini, Encik Ab Razak telah menghasilkan sendiri silibus kokurikulum sekolah untuk diajarkan kepada murid-murid dan ianya telah mendapat kelulusan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Silibus tersebut terdiri daripada sejarah zapin dan juga sejarah gerak tari yang dipelajari bagi melahirkan penari-penari yang bukan sahaja pandai menari tetapi berilmu yang mempunyai pengetahuan tentang sejarah sesuatu gerak tari. Pihak KPM juga telah bersetuju untuk menjadikan Baju Melayu dan Baju Kurung berserta Sampin sebagai baju beruniform bagi Persatuan Zapin di setiap sekolah. Usaha beliau tidak berhenti setakat ini sahaja. Kini beliau sedang berusaha untuk membawa silibus ini ke Akademik Kesenian dan Warisan Negara (ASWARA). Encik Ab Razak mengakui beliau menghadapi kekangan bilangan kakitangan yang berpengalaman bagi menyempurnakan dan melaksanakan silibus ini.

Ternyata cabaran yang dihadapi oleh beliau sepanjang menguruskan Pe-ZAPIN amat tinggi dalam mempertahankan seni warisan tarian tradisional Melayu ini. Antara lain cabaran yang sukar ditangani sehingga ke hari ini ialah apabila para penggiat seni tradisional sendiri sukar memahami sejarah perkembangan zapin dan enggan menerima perkembangan zapin. Kehadiran mereka telah menunjukkan satu sudut yang positif namun hakikatnya mereka sendiri enggan memahami dan mempelajari sejarah zapin tersebut. Beliau juga pernah menerima pelbagai tuduhan dari masyarakat seperti tuduhan mengatakan beliau sebagai perosak Zapin Negeri Johor namun beliau tetap meneruskan perkhidmatan Pe-ZAPIN agar ianya dapat memberikan pendedahan kepada penari, jurulatih dan juga masyarakat luar tentang gerak tari yang asli yang patut dipertahankan.

Dalam apa jua yang diperjuangkan demi masa depan yang utuh, kita sebagai insan yang cerdas perlu mempunyai ilmu dalam pelbagai bidang. Ilmu yang

dipraktikkan di dalam kehidupan seharian boleh mendatangkan pelbagai manfaat dan pengalaman yang berbeza. Pengalaman yang berbeza dapat menunjukkan kematangan di dalam membuat sesuatu keputusan. Sebagai Yang Dipertua Pe-ZAPIN, beliau berasa amat kecewa apabila ramai dalam kalangan anak muda Melayu kurang minat dalam memperjuangkan tarian tradisional mereka sendiri. Disebabkan arus pemodenan yang begitu pesat, ramai daripada kalangan anak muda alpa kepada asal usul budaya masyarakat mereka yang memungkinkan segala warisan budaya akan hilang ditelan zaman.

Justeru, demi kelangsungan seni warisan tradisional masyarakat Melayu ini, Encik Ab Razak bersama gerakan Pe-ZAPIN telah, sedang dan akan terus menjulang dan membawa nama Zapin ke peringkat yang lebih tinggi dengan memperkenalkan Zapin dalam setiap persembahan dan pameran tradisional yang dianjurkan oleh badan-badan kerajaan mahupun bukan kerajaan. Tarian ini juga telah mendapat pelbagai sokongan daripada orang luar yang ingin mendalami ilmu warisan seni Melayu ini. Beliau pernah mendapat tajaan daripada pihak luar untuk mengadakan program tahunan yang melibatkan hampir empat ratus peserta di Perkampungan Pengerang. Beliau berharap seni tari zapin ini akan diteruskan oleh generasi muda agar kelangsungan seni warisan Melayu dapat dikekalkan walaupun sesudah ketiadaan beliau nanti.

Kesimpulan

Bersemangat tinggi dalam mempertahankan keaslian tarian zapin yang dibawa oleh para Adiguru. Beliau juga berusaha untuk memperkenalkan dan mengembangkan seni tarian zapin ini ke seluruh dunia dengan tertubuhnya Pe-ZAPIN. Ia bukan sahaja arena untuk mempelajari pergerakan dalam tarian zapin tetapi juga tentang sejarah zapin dan falsafah setiap gerak tari seperti Pergerakan Titi Batang, Pergerakan Udang dan sebagainya. Pe-ZAPIN telah membuka peluang kepada anak-anak muda mempelajari seni tarian tradisional bagi melahirkan generasi muda yang tahu dan menghargai warisan seni tarian tradisional seperti zapin.

Bibliografi

(Ab Razak Bin Rahmat, temubual personal, 13 November 2016).

Blog Rasmi Persatuan Penggiat Zapin Negeri Johor. (n.d.). Blog Rasmi Persatuan Penggiat Zapin Negeri Johor. Diakses pada 23 Oktober 2016 di <http://penggiatzapinjohor.wordpress.com/>

Pengertian dan Asal Usul Tarian Zapin. Diakses pada 1 November 2016 di <http://suog.co/pengertian-dan-asal-usul-kesenian-tari-zapin.html>

Persatuan Penggiat Zapin Negeri Johor | Wix.com. (n.d.). Diakses pada 23 Oktober 2016 di <http://penggiatzapinjohor.wix.com/malaysia>

Sejarah Tarian Zapin, Zapin Johor Warisan Melayu Johor. Diakses pada 23 Oktober 2016 di <http://tarianzapin.wordpress.com/sejarah/>